**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : NASIONAL**



*Dr Dzulkefly (tengah) diiringi Mohd Azmi (tiga dari kanan) menerima sumbangan RM20 juta daripada Pengarah Eksekutif Well Asia Group Sdn Bhd, Datuk Seri Abdul Majid Zainal Abidin (tiga dari kiri) pada Majlis Makan Malam Amal untuk Gaza anjuran MAPIM di Shah Alam, kelmarin.*
(Foto Faiz Anuar/BH)

# Syor bina hospital ihsan di Gaza ke Kabinet

**Shah Alam:** Kementerian Kesihatan (KKM) akan membawa cadangan pembinaan sebuah hospital ihsan dalam usaha membantu membangunkan semula Gaza selepas pasca peperangan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata beliau akan membentangkan cadangan itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam agenda pembinaan hospital itu.

"Insya-Allah, kita akan bersama-sama majukan dan bantu pembangunan semula Gaza selepas pasca peperangan ini dan berharap semua pihak bersama memastikan kejayaan pembangunan semula Gaza.

"KKM bersedia menyiapkan cadangan berkenaan kerana pastinya ia memerlukan dana. Saya akan bentangkan perkembangan ini dalam mesyuarat Kabinet akan datang, paling tidak nota kepada jemaah Menteri.

"Antara lainnya saya akan menyebutkan agenda Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) membangunkan semula Gaza. Saya perlu terangkan secara menyeluruh dan satu daripada agendanya pembinaan hospital ihsan yang dicadangkan.

"Tidak dapat ditentukan lagi (bentang nota) tetapi dalam waktu yang agak munasabah. Sebelum ke majlis ini, saya sudah maklum kepada Ketua Pengarah (KKM), akan bincang perkara ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Makan Malam Amal untuk Gaza anjuran MAPIM di sini, kelmarin.

Yang turut hadir, Presiden MAPIM, Mohd Azmi Abdul Hamid atau Cikgu Azmi.

## Senarai nama sudah ada

Mengulas lanjut, Dr Dzulkefly berkata, pihaknya sudah mempunyai senarai pegawai dan kakitangan perubatan yang bakal ditempatkan di sana kelak.

"Jumlah yang tepat belum ditetapkan tetapi memang ada kesediaan kami untuk mendaftarkan doktor kita. Mereka sentiasa bersedia untuk dipanggil.

"Senarai sudah ada dalam pangkalan data kami. Keperluan lain, dari sudut kesihatan, kepakaran surgeri lebih kepada pembedahan plastik dan perkara lain yang akan diperlukan," katanya.

Beliau juga berkata, kehadirannya ke majlis berkenaan sebagai mewakili Kerajaan MADANI di bawah kepemimpinan Anwar bagi memastikan bahawa apa yang dilaksanakan oleh MAPIM akan mendapat sokongan kerajaan.

"Tahniah kepada MAPIM juga semua dermawan yang memberikan sumbangan dalam agenda ini, kira-kira RM80 juta yang dijana malam ini termasuk sumbangan dari lebih 20 negara luar seperti Singapura, New Zealand, Indonesia, United Kingdom, Bangladesh," katanya.

**AKHBAR : HARIAN METRO**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : LOKAL**

# *KKM akan bawa cadangan pembinaan hospital ihsan di Gaza*

**Shah Alam:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan membawa cadangan pembinaan sebuah hospital ihsan dalam usaha membantu membangunkan semula Gaza selepas pasca peperangan kepada kabinet.

Menterinya Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, beliau sendiri akan membawa cadangan itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Insya-Allah, kita akan bersama-sama majukan dan bantu pembangunan semula Gaza selepas pasca peperangan ini dan berharap semua pihak bersama memastikan kejayaan pembangunan semula Gaza.

"KKM bersedia untuk menyiapkan cadangan itu kerana pastinya ia memerlukan dana. Saya akan bentangkan perkembangan ini dalam mesyuarat kabinet yang akan datang, paling tidak nota jemaah menteri.

"Antara lainnya saya akan menyebutkan agenda Mapim (Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia) membangunkan semula Gaza. Saya perlu terangkan secara menyeluruh dan salah satu agendanya adalah pembinaan hospital ihsan yang dicadangkan.

*Tidak dapat ditentukan lagi (bentang nota) tetapi dalam waktu yang agak munasabah. Sebelum ke majlis ini, saya sudah maklum kepada Ketua Pengarah, akan bincang perkara ini"*

**Dr Dzulkefly**



"Tidak dapat ditentukan lagi (bentang nota) tetapi dalam waktu yang agak munasabah. Sebelum ke majlis ini, saya sudah maklum kepada Ketua Pengarah, akan bincang perkara ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Majlis Makan Malam Amal untuk Gaza anjuran Mapim di sebuah hotel di sini, kelmarin.

Mengulas lanjut, beliau berkata, KKM sudah mempunyai senarai pegawai dan kakitangan perubatan yang bakal ditempatkan di sana kelak.

"Jumlah yang tepat belum ditetapkan tetapi memang ada kesediaan kami untuk mendaftarkan doktor-doktor kami, mereka sentiasa bersedia untuk dipanggil.

"Senarai sudah ada dalam pangkalan data kami. Keperluan lain, dari sudut kesihatan, kepakaran surgeri lebih kepada pembedahan plastik dan yang lain juga akan diperlukan," katanya.

Menurutnya, kehadirannya ke majlis berkenaan sebagai mewakili kerajaan Madani di bawah kepimpinan Anwar bagi memastikan bahawa apa yang dilaksanakan oleh Mapim mendapat sokongan kerajaan.

"Saya teruja menerima undangan ini. Inilah yang dimaksudkan dengan penggemblengan seluruh negara yang bertindak membangunkan ataupun membangkitkan agenda membangunkan semula Gaza.

"Tahniah kepada Mapim, juga semua dermawan yang memberikan sumbangan dalam agenda ini, kira-kira RM30 juta yang dijana malam ini termasuk dari lebih 20 negara luar seperti Singapura, New Zealand, Indonesia, United Kingdom dan Bangladesh," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

KKM sedia hantar pasukan perubatan rawat penduduk Palestin

# Cadang bina hospital ihsan di Gaza

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

**SHAH ALAM** – Kementerian Kesihatan (KKM) akan membawa cadangan membina sebuah hospital ihsan dalam usaha membangunkan semula Gaza selepas pasca peperangan ke Kabinet.

Cadangan itu diutarakan oleh Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (Mapim).

Menterinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, pemulihan dan pembangunan semula Gaza adalah isu yang perlu difokuskan oleh semua pihak melibatkan aspek pendidikan, kesihatan, infrastruktur, sosial dan ekonomi negara itu.

"Saya akan membentangkan nota atau memorandum kepada Kabinet mengenai cadangan itu.

"Ia sememangnya perlu diteliti kerana melibatkan dana dan faktor-faktor lain termasuk pembangunan semula Palestin," katanya ketika ditemui pada majlis Makan Malam Amal Tabung Pembangunan Semula Gaza, di sini, malam kelmarin.

Program anjuran Mapim itu berjaya memperoleh sumbangan wang RM30 juta dan lima ambulans bagi membantu Palestin.

Dr. Dzulkefly memberitahu, pihaknya telah bersedia menghantar doktor serta petugas kesihatan dari negara ini bagi memenuhi keperluan perubatan warga Palestin.

Kata beliau, pihaknya sudah mempunyai senarai doktor yang bersiap sedia untuk ditugaskan.

"Perkara ini berkemungkinan tertumpu kepada keperluan perubatan seperti kepakaran pembedahan dan penyakit-penyakit lain.

"Kita memang ada senarai doktor itu dalam pangkalan data KKM dan jumlah berkenaan mungkin juga akan ditambah," ujarnya.

*Kosmo!* pada 15 November tahun lalu melaporkan, KKM sudah membuka permohonan kepada petugas kesihatan yang bersedia menyertai pasukan perubatan ke Gaza.

Latihan bersesuaian akan diberikan kepada pasukan perubatan itu kerana melibatkan proses merawat mangsa bencana peperangan.




DR. DZULKEFLY (dua dari kiri) menerima cenderahati daripada Presiden Mapim, Mohd. Azmi Abdul Hamid pada Majlis Makan Malam Amal Tabung Pembangunan Semula Gaza di Shah Alam kelmarin.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

# Solusi denggi: Manfaat Qdenga mesti lebih banyak daripada risiko

**PERTUBUHAN** Kesihatan Sedunia (WHO) telah melaporkan peningkatan kes demam denggi yang drastik sejak beberapa dekad dengan purata sebanyak 390 juta jangkitan baharu dilaporkan pada setiap tahun.

Sebelum tahun 1970, hanya sembilan negara sahaja yang melaporkan epidemik denggi, namun sehingga tahun 2019, lebih daripada 100 buah negara telah mengalami epidemik ini.

PREMIUM

WHO juga menganggarkan sebanyak 3.9 bilion penduduk berisiko menghidapi jangkitan demam denggi dengan 70 peratus beban jangkitan berlaku di Asia.

Lebih malang, tiada rawatan ubat khusus atau vaksin yang berkesan untuk menangani jangkitan demam denggi sebelum ini.

Oleh itu, kaedah konvensional untuk mencegah jangkitan demam denggi adalah dengan mengawal kepadatan nyamuk Aedes di persekitaran melalui aktiviti penghapusan tempat takungan air yang menyebabkan pembiakan nyamuk Aedes serta amalan rawatan berasaskan simptom.

Justeru, apabila Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan pada 9 Februari lalu mengumumkan kelulusan pendaftaran bersyarat kepada vaksin denggi Qdenga keluaran syarikat Takeda untuk digunakan bagi individu berumur empat tahun dan ke atas, ia seolah-olah memberi sinar baharu dalam dunia perubatan negara.

Dalam satu kenyataan dikeluarkan Kementerian Kesihatan (KKM), mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) kali ke-393 memberi kelulusan bersyarat itu setelah berpuas hati dengan hasil penilaian ke atas keberkesanan, keselamatan dan kualiti produk yang dipohon.

Pengumuman terkini KKM itu hakikatnya sangat signifikan terhadap usaha negara menangani ancaman endemik, pada saat Malaysia sememangnya merupakan antara negara endemik demam denggi utama di dunia dengan kes dilaporkan sepanjang tahun.

Bagaimanapun, timbul persoalan adakah vaksin Qdenga yang dibangunkan khusus menangani endemik denggi ini benar-benar dianggap solusi tuntas, pada saat banyak syarikat farmaseutikal dunia gagal mencari penawar terhadap penyakit bawaan vektor berkenaan sejak beberapa dekad lalu?

Menurut bekas Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Profesor Datuk Dr Rohaizat Yon, satu kajian klinikal keberkesanan vaksin Qdenga hakikatnya telah dijalankan di lapan negara Amerika Latin iaitu Brazil, Colombia, Republik Dominican, Nicaragua dan Panama serta tiga negara Asia iaitu Filipina, Sri Lanka dan Thailand.

Jelas beliau, berdasarkan kajian berkenaan yang melibatkan kira-kira 20,000 kanak-kanak berusia empat hingga 16 tahun, data terkumpul mendapati vaksin berkenaan menunjukkan keberkesanan dalam mencegah golongan itu daripada terkena jangkitan, mengurangkan severiti apabila dijangkiti denggi dengan gejala lebih ringan serta mampu menurunkan kadar kemasukan ke hospital akibat denggi.


ROHAIZAT

> "Thailand, Indonesia, Brazil, Argentina, Britain dan Kesatuan Eropah lebih pun mendaftar vaksin ini di negara mereka."

"Justeru, Strategic Advisory Group of Experts on Immunization (SAGE) yang berperanan sebagai penasihat WHO telah memberikan rekomendasi penggunaan vaksin Qdenga kerana keberkesanannya.

"Susulan itu, Thailand, Indonesia, Brazil, Argentina, Britain dan Kesatuan Eropah lebih pun mendaftar vaksin ini di negara mereka," katanya kepada *Sinar Premium* pada tarikh.

**Vaksin signifikan kurang jangkitan**

Mengulas lanjut, Rohaizat yang juga Ahli Lembaga Pentadbir Management and Science University (MSU) menegaskan, sewajarnya rakyat negara ini dapat mengambil iktibar daripada pengalaman semasa dunia sewaktu dilanda pandemik Covid-19, kewujudan vaksin sememangnya signifikan bagi mengurangkan risiko dijangkiti virus berkenaan.

"Senario sama juga berlaku dalam imunisasi vaksin denggi di mana penemuan vaksin adalah amat penting bagi mengurangkan risiko penularan kes jangkitan denggi.

"Berbanding dengan vaksinasi, aspek rawatan konvensional bagi kes denggi adalah bertumpu kepada gejala dihidapi pesakit apabila dijangkiti penyakit berkenaan.

"Misalnya pemberian ubat demam dan ubat tahan sakit badan bagi kes terkawal manakala bagi kes teruk pula pesakit perlu diberi air melalui saluran intravena atau drip, transfusi darah platlet apabila ada gejala pendarahan, pemantauan fungsi hati, ginjal dan sebagainya," ujarnya.

Rohaizat menegaskan kerajaan masih mengambil langkah berhati-hati dengan PBKD dan hanya memberikan kelulusan bersyarat terhadapnya.

"Product Registration Holder (PRH) pula akan memantau vaksin ini dengan lebih ketat di mana PRH perlu mengumpul dan mengemukakan data mengenai keberkesanan dan tahap keselamatan bagi memastikan manfaat lebih banyak daripada risiko," tegasnya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : DALAM NEGERI

# Bina hospital di Gaza dibawa ke Kabinet

**SHAH ALAM:** Kementerian Kesihatan akan membawa cadangan pembinaan sebuah hospital Ihsan dalam usaha membantu membangunkan semula Gaza.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, beliau sendiri akan membentangkan cadangan itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Kita akan bersama-sama bantu pembangunan semula Gaza selepas pasca peperangan ini dan berharap semua pihak bersama memastikan kejayaan pembangunan semula Gaza.

"Kementerian sedia menyiapkan cadangan berkenaan kerana pastinya ia memerlukan dana, saya akan bentangkan perkembangan ini dalam mesyuarat Kabinet akan datang, paling tidak nota kepada jemaah Menteri.

"Antara lainnya saya akan menyebutkan agenda Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) membangunkan semula Gaza. Saya perlu terangkan secara menyeluruh dan satu daripada agendanya pembinaan hospital Ihsan yang dicadangkan," katanya ketika ditemui pada majlis Makan Malam Amal Untuk Gaza di sini, malam semalam.

Dzulkefly berkata, pihaknya sudah mempunyai senarai doktor yang bersiap sedia untuk ditugaskan di Palestin kelak.

Jelas beliau, perkara itu berkemungkinan tertumpu kepada keperluan perubatan seperti kepakaran pembedahan dan penyakit-penyakit lain.

"Namun, apa yang pasti kita sentiasa bersedia mendaftarkan mereka bagi pasca perang Palestin," katanya.

*Utusan Malaysia* pada 15 November lalu melaporkan Kementerian Kesihatan membuka permohonan kepada petugas kesihatan yang bersedia menyertai pasukan perubatan ke Gaza.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : DALAM NEGERI

8 | Utusan Malaysia SELASA • 13 FEBRUARI 2024

# Klinik 'koboi' jual MC serendah RM20

**KUALA LUMPUR:** Berselindung di sebalik sebuah premis kediaman yang serupa tidak siap.

Itu modus operandi sebuah 'klinik koboi' yang dikesan menjual sijil cuti sakit (MC) kepada orang ramai dipercayai sejak empat tahun lalu.

Dengan harga serendah RM20 bagi satu hari cuti, setiap 'pesakit' boleh mendapatkan MC sepantas 10 minit.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, kawasan premis berkenaan adalah sebuah kediaman di lorong kecil sekitar Hulu Langat dengan papan tanda mengelirukan dan tertera nombor telefon pegawai perubatan berkenaan.

Kebanyakan 'pesakit' yang hadir terdiri daripada golongan muda dan mereka mula menunggu sekitar pukul 10 malam 'klinik' itu beroperasi sehingga ditutup dua jam kemudian.

Terdapat juga dalam kalangan yang berusia sekitar 40-an memohon MC terlebih dahulu, dipercayai membuat tempahan dengan lebih awal dan terus mendapatkannya tanpa menunggu giliran seperti pesakit-pesakit lain.

Seorang 'pesakit' yang ditemui berkata, dia tahu kewujudan tempat ini menerusi rakan-rakan sekerjanya.

"Kalau dulu, klinik ini ada dua sesi. Siang dengan malam, tetapi sekarang hanya beroperasi waktu malam. Malah, harga pun telah dinaikkan kepada RM20, dulu RM10 sahaja," kata pesakit tersebut.

Bagi mendapatkan kesahihan mengenai perkara ini, wartawan *Utusan Malaysia* melakukan penyamaran bagi memastikan modus operandi klinik itu dijalankan.

Pesakit perlu mengambil nombor giliran yang diletakkan di sebuah bakul di dalam klinik dan kad giliran itu hanya ditulis di atas daun terup.

Terdapat kerusi yang disediakan untuk pesakit menunggu giliran, malah turut terdapat satu rakaman kamera litar tertutup (CCTV) dipasang di kawasan menunggu tersebut.

Pesakit juga perlu peka dengan nombor giliran masing-masing dan terus masuk ke dalam bilik pegawai perubatan untuk mendapatkan 'rawatan'.

Ini kerana tiada sebarang panggilan akan dibuat oleh pegawai perubatan berkenaan.

Selain itu, hasil penyamaran akhbar ini turut mendapati, 'pegawai perubatan' tersebut meminta kad pengenalan untuk mengisi butiran dalam sijil cuti sakit, sambil bertanyakan jumlah hari cuti yang diperlukan dan syarikat tempat bekerja.

Ketika ditanya kepada pegawai perubatan itu mengenai mengenai operasi klinik, beliau dengan mudah menceritakan klinik tersebut telah beroperasi sejak 1983 dimana arwah bapanya yang memulakan operasi, namun kini diteruskan olehnya setelah bapanya itu meninggal dunia.

"Dulu, klinik ini lebih besar. Ramai yang boleh duduk dalam untuk menunggu. Tetapi sekarang klinik kita kecil sahaja.

"Malah, harga pun terpaksa saya naikkan kepada RM20 untuk sehari punya MC sebab saya perlu membayar sewa di sini," katanya.

Menceritakan keadaan itu dengan lebih lanjut, pegawai perubatan tersebut berkata, sewaan perlu dibayar kepada adiknya sendiri yang merupakan pemilik premis berkenaan.

"Adik beradik pun, saya tetap kena bayar sewa sebab saya tidak tinggal di sini. Disebabkan itu juga saya hanya buka klinik pada waktu malam bagi memudahkan perjalanan yang tidak memerlukan saya berulang alik sehingga dua kali dari rumah saya ke Hulu Langat," katanya.

Turut ditanya, adakah arwah bapanya juga memberikan servis yang sama tanpa sebarang rawatan, beliau berkata ubat-ubatan akan diberikan jika ada pesakit yang minta.

"Yang itu kita harga lain lah," ujarnya ringkas.

Namun, diperhatikan tiada rawatan diberikan kepada 'pesakit' apatah lagi memberikan preskripsi ubat, pelanggan hanya datang untuk tujuan mendapatkan 'cuti' yang disahkan oleh pegawai perubatan itu.

Sijil cuti tersebut turut disertakan resit pembayaran yang boleh dituntut semula dari majikan pesakit.

Biasanya resit ditulis dengan jumlah yang lebih tinggi berbanding jumlah bayaran yang dikenakan.

Selain itu, hanya seorang doktor sahaja bertugas tanpa ada pembantu klinik.

Hasil carian klinik berkenaan dalam laman web tidak menemukan sebarang keputusan.




SIJIL cuti sakit yang diperoleh oleh wartawan *Utusan Malaysia*.



DAUN terup yang dijadikan nombor giliran.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEWS / NATION

# Health Ministry wants to build hospital in Gaza

**SHAH ALAM:** The Health Ministry will propose the construction of a hospital to help rebuild Gaza after the war, said Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad on Sunday.

He said he would present the proposal to Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim and other members of the cabinet.

"InsyaAllah, we will help the reconstruction of Gaza after the war, and hope that all parties will work together to ensure the success of the reconstruction of Gaza."

Dr Dzulkefly said: "The ministry is ready to prepare the proposal because it requires funds (to build the hospital).

"I will present this development at the next cabinet meeting.

"Among other things, I will mention Mapim's (Malaysian Consultative Council of Islamic Organisations) agenda for rebuilding Gaza.

"I need to explain it comprehensively, with one of the agendas being the construction of the proposed hospital.

"We don't know when (the presentation will take place), but it'll be within a reasonable time.

"Before coming to this ceremony, I had already informed the (Health) director-general that I will discuss this matter."

He said this after attending a charity dinner for Gaza hosted by Mapim.

Present was Mapim president Mohd Azmi Abdul Hamid, better known as Cikgu Azmi.

Dr Dzulkefly said he had a list of officers and medical staff who would be stationed in Gaza.

"The exact number of personnel has not been determined, but our doctors are ready to be called.

"The list is in our database. Other requirements, from a health point of view, would be surgical expertise, such as plastic surgery and others."

Dr Dzulkefly said his presence at the event was to represent the Madani government to ensure that what was implemented by Mapim would receive the government's support.

"This is what is meant by the mobilisation of countries that act to develop or raise the agenda of rebuilding Gaza.

"Congratulations to Mapim and the philanthropists who contributed to this agenda.

"About RM20 million was raised tonight, including from more than 20 countries, such as Singapore, New Zealand, Indonesia, the United Kingdom and Bangladesh."

There are health facilities, mosques and other buildings in Gaza built with the help of Malaysian non-governmental organisations and donations from Malaysians.

They include the Dr Siti Hasmah and Enaya Physiotherapy Centre, Malaysia Quran School, Wakaf Produktif building, Muhammad Al Amin Mosque, Al-Qassam Mosque, As-Syafie Mosque, Sheikh Ajlin Mosque and the Aman Palestin hospital under construction.

However, the Dr Siti Hasmah and Enaya Physiotherapy Centre, Wakaf Produktif building and Muhammad Al Amin Mosque were heavily damaged in Israeli bombings since last year.




*Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (centre) receiving donations from organisations and individuals at a charity dinner for Gaza hosted by Mapim in Shah Alam on Sunday.* BERNAMA PIC

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NATION

# Positive sign as Covid-19 cases on a downward trend

By FAZLEENA AZIZ
fazleena@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Covid-19 cases have been showing a downward trend according to data from the KKMNow website.

The country recorded a total of 4,029 cases in the last 14 days as of Feb 10. Hospitalisations also saw a downward trend with 1,267 cases reported while bed utilisation was 58.2%.

A total of seven deaths were recorded in the same period.

Two cases were reported in Penang, with one case each in Johor, Pahang, Perak, Selangor and the Federal Territory of Kuala Lumpur.

There were four active cases in the intensive care unit (ICU) and three patients on ventilators.

Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia president Dr Raj Kumar Maharajah said a downward trend of Covid-19 cases is also being seen by general practitioners.

"We have also seen a fewer number of Covid-19 cases since January. It peaked in December.

"But it is difficult to say if the downward trend will continue. It may fluctuate depending on mutations," said Dr Raj Kumar.

Public health expert Datuk Dr Zainal Ariffin said the downward trend is a good development for the country.

He said it is an indication that there were no new virulent variants and there could be effective immunity against the virus.

"However, people need to be continuously vigilant and practise safe measures," he said.

In January, Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said there was a downturn in Covid-19 cases nationwide.

He said this was based on the measurements in the heightened alert system, whether prevalence, deaths, ICU bed usage and hospital admissions.

**AKHBAR : THE SUN**
**MUKA SURAT : 4**
**RUANGAN : NATIONAL**

# Drop in dengue cases

**PUTRAJAYA:** The number of dengue cases dropped to 3,631 in the 6th Epidemiological Week (EW06) from Feb 4-10 compared with 3,969 cases in the previous week, with one death due to dengue fever complications.

Health Director-General Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan said cumulative dengue cases reported so far this year totalled 22,658, compared with 13,094 cases in the corresponding period last year.

"A total of 10 deaths due to dengue fever complications have been reported, compared with nine fatalities for the same period last year," he said in a statement.

He added that the number of reported dengue hotspots increased to 199 localities in EW06, compared with 180 in the previous week.

A total of 158 cases were reported in Selangor, 18 in Kuala Lumpur and Putrajaya, 10 in Negeri Sembilan, six in Perak, two each in Penang and Kedah, and one each in Pahang, Johor and Sabah.

"Based on the trend for dengue cases in the past 10 years, dengue fever cases usually peak every four or five years. The rise in cases started in 2023 and the trend is expected to rise in 2024," he said. – Bernama

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : SPEAK UP

# Resolving medical specialist training issues

LETTERS
letters@thesundaily.com

THE College of Physicians of Malaysia expresses gratitude to the Health minister for his unwavering commitment to resolving the ongoing specialist training issues. The college is also relieved to note that the Health Ministry has no plans to abolish the Parallel Pathway programme.

The College of Physicians of Malaysia represents all Internal Medicine, Psychiatry and Rehabilitation Medicine Specialists in Malaysia. Specialisation in Internal Medicine follows after the completion of housemanship.

Medical officers have the option to specialise in Internal Medicine through either the Masters of Internal Medicine programme offered by local universities or the Parallel Pathway provided by the Health Ministry.

Internal Medicine Training represents a vital conduit to subspecialisation in the fields of Cardiology, Dermatology, Endocrinology, Advanced Acute Internal Medicine, Infectious Disease, Geriatric Medicine, Haematology, Nephrology, Neurology, Palliative Medicine, Pulmonology, Rheumatology, Gastroenterology and Hepatology. Therefore, any impact which adversely affects Internal Medicine training will have a domino effect on all the above subspecialities.

The Parallel Pathway Internal Medicine, which has been and remains the primary route for training physicians in Malaysia, comprises a structured training programme spanning four years.

This programme involves supervised training within the Health Ministry and provides physicians the opportunity to attain membership of either the Federation of the Royal College of Physicians in the UK or the Royal College of Physicians in Ireland.

The College of Physicians unequivocally supports the Parallel Pathway as an essential avenue for the training of physicians in Malaysia.

The College also supports the Master's programmes offered by local universities. Both avenues are necessary to ensure that we can train many high-quality specialists to address the serious shortage while adhering to standards as determined by the Malaysian Medical Council.

Both pathways should continue to serve their roles and complement each other. This is to ensure that Malaysian doctors are given an unencumbered opportunity to specialise as physicians, and ultimately cater to the domestic population.

The College of Physicians also urges a review of policies governing Federal Training Grants, which currently restrict options for specialisation in Internal Medicine. This revision will allow doctors the option to self-fund their specialist training within a structured programme while adhering to standards, thus alleviating unnecessary financial burden on an already overstretched system.

The College of Physicians is also concerned about the decline in the number of trainee registrations into the Parallel Pathway programme as this will inevitably affect the availability of physicians serving the Malaysian population.

The College of Physicians is the largest participant of the Parallel Pathway programme, with over 1,000 doctors in various phases of training within Internal Medicine.

A large number of these trainees are based in East Malaysia, where the demand for physicians is particularly acute.

The College of Physicians must engage all stakeholders in devising a long-term strategy. This collaborative initiative must also include existing medical societies representing junior doctors.

Malaysia can only be stronger if all parties work together.

Strategic planning to meet the long-term goals is urgently needed to ensure that Malaysia is not only able to maintain its excellent international reputation in the quality of our healthcare but that the fraternity fulfils its potential in producing global leaders in medical care.

**College of Physicians of Malaysia**